

11 SEP 1998

Samy-Projek

SENARAI PROJEK YANG DILULUS AKAN DIUMUMKAN, KATA SAMY

SEGAMAT, 11 Sept (Bernama) -- Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata kementeriannya akan mengumumkan senarai projek infrastruktur yang diluluskan oleh kerajaan untuk diteruskan, tidak lama lagi.

"Senarai projek yang akan diteruskan itu sudah pun siap dan saya akan mengumumkannya dalam satu sidang akhbar tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis penerimaan saham Koperasi Didik daripada anggota MIC di sebuah hotel di sini, semalam.

Samy Vellu berkata, bagaimanapun tidak kesemua 16,000 projek infrastruktur, termasuk pembinaan 24 rangkaian lebuh raya berharga lebih RM20 bilion akan diteruskan.

Sebaliknya, hanya beberapa projek tertentu akan diteruskan sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikannya sebagai pemangkin usaha memulihkan ekonomi negara, katanya.

Samy Vellu berkata keputusan kerajaan meneruskan projek infrastruktur adalah tepat, kerana industri binaan menyumbang dalam usaha memulihkan ekonomi.

Samy Vellu berkata beberapa buah syarikat pembinaan yang mempunyai modal sendiri, tetapi projek tidak dapat diteruskan kerana kegawatan ekonomi, juga telah menyatakan hasrat untuk meneruskan projek mereka.

Antara projek itu ialah pembinaan lebuh raya persisir Pantai Timur sepanjang lebih 360 kilometer membabitkan Terengganu dan Pahang, kontraktor terbabit telah menunjukkan keupayaan kewangan lebih RM500 juta untuk meneruskan projeknya.

--BERNAMA

SO BH RI